

# Kumpulan Debug wakili UMS ke Konvensyen KIK Peringkat IPTA

UB 15.3.2014 B4



**KOTA KINABALU:** Kumpulan Debug yang dianggotai oleh kakitangan Jabatan Pendaftar terpilih untuk mewakili Universiti Malaysia Sabah (UMS) ke Konvensyen Kreatif dan Inovatif (KIK) Peringkat IPTA ke-10, yang akan diadakan pada 8-10 April di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).

Kumpulan itu terpilih setelah mendapat jumlah markah tertinggi dalam

**ABDULLAH (tengah)** merakamkan gambar kenangan bersama ahli panel dan urusetia Konvensyen KIK peringkat UMS.

persempahan projek KIK peringkat UMS baru-baru ini. Kumpulan Debug membentangkan projek bertajuk ‘Data Kakitangan Yang Dihantarkan MyMOHES Tidak Mencapai 100% Pengurusan Data’.

Pendaftar UMS Datuk Abdullah Hj Mohd Said berkata, penganjuran KIK di peringkat universiti ini adalah selaras dengan Bidang Keberhasilan Utama Universiti ke-4 iaitu Memperkuatkan Governans, Kepimpinan dan Sistem Penyampaian.

Jelasnya, KIK bukan sahaja dapat menyelesaikan pelbagai masalah kerja dan operasi dalam rutin kerja harian, malah memberi peningkatan

dalam pembangunan modal insan.

“KIK sebenarnya mampu menggalakkan budaya kerja kreatif dan inovatif serta membina kerja berpasukan unggul. Ini akan meningkatkan lagi motivasi dengan meraih pengiktirafan serta penghargaan dan kepuasan kepada semua individu yang terlibat,” katanya.

Hadir sama selaku panel penilai persempahan projek KIK itu, Pengarah SIRIM Sabah Haji Khairan Utom, Pengarah MARDI Sabah Haji Sadi Sujang dan Perunding Eksekutif Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Cawangan Sabah Edward Binty.